

## Metodologi Sarjana Hadith Dalam Berinteraksi Dengan Hadith Fitnah

Ali Abdul Jalil

Fakulti Pengajian Islam, Kolej Universiti Islam Perlis, Taman Seberang Jaya Fasa 3, 02000  
Kuala Perlis, Perlis, Malaysia.

Tel: 0193666065 E-Mail: [ali.abduljalil194@yahoo.com](mailto:ali.abduljalil194@yahoo.com)

Umar Muhammad Noor (Corresponding author)

Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, 11700, Gelugor, Pulau  
Pinang, Malaysia.

Tel: 0165177914 E-Mail: [umarmnoor@usm.my](mailto:umarmnoor@usm.my)

### Abstrak

Masyarakat pada hari ini mula berbicara mengenai hadith-hadith fitnah akhir zaman. Hal ini jelas dapat dilihat apabila masyarakat mula mengaitkan fenomena *covid-19* dengan peristiwa akhir zaman. Contohnya, sebahagian orang mengaitkan penjarakan saf dalam solat dan pemberian vaksin dengan situasi akhir zaman. Sebahagian pengkaji pula membahaskan perihal wabak *covid-19* ini sebagai salah satu rangkaian perjalanan spiritual manusia pada akhir zaman. Pengabaian kepada metodologi yang tepat dalam membicarakan hal ini melahirkan pandangan-pandangan yang keliru terutamanya apabila mengulas isi kandungan hadith. Tambahan pula, hadith-hadith palsu dan lemah sering disertakan dalam perbincangan yang berkaitan dengan akidah ini. Tidak kurang juga hadith-hadith berkaitan akhir zaman ini banyak bercampur dengan riwayat-riwayat *isrā' ilīyyāt*. Penulisan artikel ini dijalankan dengan menggunakan metode kualitatif melalui kaedah analisis kandungan yang terdapat dalam penulisan-penulisan sarjana hadith supaya sampai kepada kesimpulan metodologi mereka dalam berinteraksi dengan hadith fitnah. Maka dengan itu, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa para sarjana hadith telah membahaskan secara panjang lebar mengenai metodologi-metodologi mereka dalam berinteraksi dengan hadith *fitnah* dan pengabaian terhadap metodologi ini telah menghasilkan pandangan-pandangan yang tidak tepat dari kalangan pengkaji.

**Kata Kunci:** Metodologi Sarjana Hadith, Hadith, *Fitnah*

### Pendahuluan

Sesungguhnya fitnah akhir zaman merupakan perkara yang akan berlaku pada masa akan datang yang mana umat islam tidak mengetahuinya melainkan dengan jalan Al-Qur`ān dan al-Sunnah. Bukan itu sahaja, umat islam juga dikhabarkan oleh Al-Qur`ān dan al-Sunnah akan tanda-tanda hari kiamat akan berlaku. Apabila seorang muslim membaca nas-nas yang berkaitan dengan fitnah akhir zaman, dia pasti akan menjadi gerun. Dalam sebuah hadith, Nabi SAW mengkhabarkan:

*“Akan berlakunya fitnah-fitnah, ketika itu orang yang duduk lebih baik daripada orang berdiri, orang yang berdiri lebih baik daripada orang yang berjalan, dan orang yang berjalan lebih baik daripada orang berlari. Siapa yang menceburkan dirinya pada fitnah-fitnah itu, maka dia akan kalah. Dan sesiapa yang mempunyai tempat berlindung, maka hendaklah dia berlindung dengannya”.*<sup>1</sup>

Baginda SAW menyeru sekalian umatnya agar menjauh diri daripada fitnah-fitnah akhir zaman sejauh yang mungkin. Maka antara persediaan bagi menghadapi fitnah-fitnah akhir zaman ialah dengan cara memperbanyakkan amalan ketaatan dan menjauhi larangan. Sabda Nabi SAW:

*“Bersegeralah beramal sebelum munculnya fitnah yang datang bagaikan potongan-potongan malam yang gelap, seseorang pada pagi harinya beriman dan pada petangannya telah menjadi kafir, atau petangannya masih beriman dan pagi harinya telah menjadi kafir, menjual agamanya dengan kepentingan dunia.”*<sup>2</sup>

Al-Nawawī berkata: *“Makna hadith ini adalah galakan untuk bersegera ke arah melakukan amalan kebaikan sebelum disibukkan daripadanya dengan apa yang berlaku dalam fitnah yang sangat sibuk, banyak dan bersilih ganti seperti bersilih gantinya malam yang gelap, tiada cahaya bulan dan Nabi SAW menyifatkan salah satu bentuk daripada kesusahan fitnah akhir zaman iaitu seseorang pada petangannya masih beriman dan pagi harinya telah menjadi kafir.”*<sup>3</sup>

Hadith *fitan* merupakan satu bab yang sangat penting bagi umat Islam. Hampir kesemua penulis kitab-kitab sunan ada meletakkan bab hadith *fitan* atau *kitāb al-fitan*<sup>4</sup> dalamnya. Sesungguhnya telah banyak hadith-hadith berkaitan fitnah akhir zaman belegar dalam kalangan masyarakat, dan didapati kebanyakannya tidak sabit, bahkan tidak sabit daripada Nabi SAW. Ketiadaan metodologi yang betul dalam berinteraksi dengan hadith *fitan* akan menatijahkan kefahaman tidak selari dengan kehendak syarak. Lantaran dari itu, timbul pula keburukan yang lebih daripada keburukan menyandarkan kepada Nabi sesuatu yang tidak sabit, iaitu bermudah-mudahan dalam menyamakan hadith-hadith lemah dan rapuh itu dengan peristiwa dan fenomena yang berlaku tanpa sikap berhati-hati. Berikut dari itu, lahirlah keburukan yang banyak dan sebahagian orang-orang soleh juga telah tergelincir dan tersasar apabila mereka mula menyebarkan kisah-kisah, hikayat-hikayat dan nasihat-nasihat yang dikaitkan dengan hadith yang lemah itu<sup>5</sup>. Maka tulisan ini dihasilkan dengan objektif membahaskan metodologi

---

<sup>1</sup> Muslim Bin Ḥajjāj, *Ṣaḥīḥ Muslim* (Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī, 2002), Kitāb al-Fitan Wa Asyrāṭ al-Sā'at, Bab Nuzūl al-Fitan, No. 88, 4/ 2211.

<sup>2</sup> Ibid., Kitāb al-Īmān, Bab al-Ḥaṭḥthu 'Alā al-Mubādarat Bi al-'A'māl Qabla Tazāhara al-Fitan, No. 118, 1/110.

<sup>3</sup> Al-Nawawī, Yahyā Bin Syaraf, *al-Minhāj Syarḥ Ṣaḥīḥ Muslim Bin al-Ḥajjāj* (Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī, 1970), 2/133.

<sup>4</sup> *Kitāb al-fitan*: Kitab-kitab hadith Rasulullah SAW yang mana padanya baginda mengkhabarkan perihal fitnah yang akan berlaku pada masa akan datang sehinggalah hari kiamat, dan memberi amaran kepada umat Islam mengenainya, juga menerangkan apa yang berlaku padanya dan cara untuk berlepas diri daripadanya. Lihat: Muḥammad Taqī 'Uṭhmānī, *Takmilah Faṭḥ al-Mulhim* (Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī, 2006), 6/201.

<sup>5</sup> Al-'Adawī Muṣṭafā, *Al-Ṣaḥīḥ al-Musnad Min Aḥādīth al-Fitan Wa al-Malāḥim Wa Asyrāṭ al-Sā'at* (Riyadh: Dār al-Hijrah, 1991), 7.

sarjana hadith dalam berinteraksi dengan hadith *fitan* supaya kefahaman masyarakat berkenaan dengan hadith *fitan* tidak lari dari kehendak syarak.

Berdasarkan penelitian, penulis menemui beberapa tulisan sarjana hadith dalam membicarakan metodologi berinteraksi dengan hadith *fitan*. Antaranya, *Kharīṭah al-Mustaqbal Fi al-Ḥadīth al-Nabawī* oleh Syaraf Quḍah, *Ma`ālim Wa Manārat Fī Tanzīl Aḥādīth al-Fitan Wa al-Malāḥim Wa Asyrāt al-Sā`at `Alā al-Waqā`i` Wa al-Ḥawādith* oleh Abd Allah al-`Ujayrī, *Aḥādīth al-Fitan: Maḥmūmihā, Wa al-Taṣnīf Fīhā, Wa Qīmatihā, Wa Qawā`id Fahmihā* oleh Khālid Muḥammad al-Syarmān, *Mawqif Ahl al-Sunnah Wa al-Jamā`ah Min Tanzīl Nuṣūṣ Wa Asyrāt al-Sā`ah* oleh Zāhir Bin Muḥammad Bin Sa`īd al-Syahrī, *Manhaj al-Ta`āmul Ma`a Aḥādīth al-Fitan Wa al-Mustaqbal* oleh Muḥammad Sa`īd Ḥawā dan sebagainya.

Justeru, kajian ini dijalankan dengan menggunakan metode kualitatif melalui metode analisis kandungan yang terdapat dalam tulisan-tulisan sarjana hadith mengenai hadith *fitan*. Hasil daripada kajian ini menunjukkan bahawa para sarjana telah membahaskan metode-metode yang tepat dalam berinteraksi dengan hadith *fitan* secara panjang lebar dan terdapat pelbagai kesalahan yang telah dilakukan akibat daripada pengabaian terhadap metode-metode ini.

Pengkaji bahagikan penulisan ini kepada 2 bab iaitu maksud *al-fitan* dan metodologi sarjana dalam berinteraksi dengan hadith *fitan*.

### **Maksud Al-Fitan**

Perkataan *al-fitan* dari sudut bahasa memberi maksud membakar. Kata Ibn Manzūr: “*Fitan: al-Azharīy dan selainnya: ia adalah jama` bagi fitnah iaitu ujian, dugaan dan cubaan. Asalnya diambil daripada kata-kata seseorang “aku membakar perak dan emas dengan meletakkanya pada api untuk mengasingkan kekotoran daripada yang baik”*”<sup>6</sup>.

Maka, asal bagi perkataan ini adalah pembakaran bagi tujuan pembezaan dan ujian bagi mengasingkan sebarang cacat cela<sup>7</sup>. Begitu juga kata al-Syarīf al-Jurjānī: “Sesuatu yang dengannya menampakkan hal insan samada dia baik atau buruk”<sup>8</sup>. Apabila digabungkan pengertian *al-fitan* yang disebutkan oleh Ibn Manzūr dan al-Syarīf al-Jurjānīy, maka pengkaji dapat simpulkan bahawa *al-fitan* dari sudut bahasa ialah ujian yang mana dengannya dapat diketahui insan mana yang baik, yang mana yang buruk. Kata `Abd al-Karīm al-Khūdayr: “Umat kini diuji dan diduga untuk dilihat sejauh mana dia berpegang dengan agamanya. Allah swt menduga (*yaftinu*) sesiapa sahaja daripada hambanya untuk menguji mereka.

“Dan kami menguji kamu dengan keburukan dan kebaikan sebagai cubaan”<sup>9</sup>

<sup>6</sup> Al-Anṣārī Ibn Manzūr, Jamāl al-Dīn, *Lisān al-`Arab* (Beirut: Dār al-Ṣādīr, 1992), Bab Faṣl al-Fā’, 13/317

<sup>7</sup> Muḥammad Aḥmad Mubayyad, *Al-Mawsū`ah Fi al-Fitan Wa al-Malāḥim Wa Asyrāt al-Sā`ah*, (Kaherah: Muassasah al-Mukhtār, 2006), 369.

<sup>8</sup> Al-Jurjānī, `Alī Bin Muḥammad al-Syarīf, *Al-Ta`rīfāt* (Beirut: Dār al-Kutub al-`Ilmiyyah, 1983), Bab al-Fā’, 165.

<sup>9</sup> Al-Khūdayr, `Abd al-Karīm `Abd Allah, *Syarḥ Kitāb al-Fitab Min Ṣaḥīḥ al-Bukhārīy* (Riyadh: Ma`ālim al-Sunan, 2016), 11.

Di samping itu, kadang-kala perkataan *al-fitnah* juga disebut di dalam al-Qur'ān akan tetapi tidak bermaksud ujian. Contohnya firman Allah:

“Dan fitnah itu lebih teruk daripada membunuh”<sup>10</sup>.

Fitnah di sini tidak bermaksud ujian, akan tetapi bermaksud syirik<sup>11</sup>. Oleh itu, Ibn Hajar menjelaskan penggunaan perkataan *al-fitnah*: “Kata selainnya: ‘Fitnah’ itu asalnya adalah ujian, kemudian digunapakai dari maksud ujian dan dugaan kepada sesuatu perkara yang tidak disukai, kemudian digunakan untuk segala sesuatu yang tidak disukai atau menuju ke arahnya seperti kekufuran, dosa, pembakaran, aib, kemungkar dan selainnya”<sup>12</sup>. Dan ucapan ini juga mirip ucapan Ibn Athīr di dalam al-Nihāyah<sup>13</sup>. Maka dengan itu, dapat ditakrifkan hadith fitan itu sebagai khabar-khabar ghaib yang akan berlaku di masa akan datang yang telah dikhabarkan oleh Nabi SAW yang mana padanya berlaku ujian, kepayahan dan peristiwa yang dahsyat untuk dijadikan sebagai ancaman dan pedoman<sup>14</sup>.

### Metodologi Sarjana Hadith Dalam Berinteraksi Dengan Hadith *Fitan*

Para sarjana hadith di dalam kitab-kitab mereka ada menyebutkan beberapa kaedah untuk berinteraksi dengan hadith fitnah akhir zaman. Perkara ini sangat perlu diketengahkan kepada masyarakat kini agar mereka tidak semudah-mudah mentafsirkan hadith fitnah akhir zaman.

#### 1) Memastikan Kesahihan Hadith

Majoriti ulama hadith tidak berbuat hujah dengan hadith *da`if* dalam hukum halal dan haram, dan mereka berbuat hujah dengannya dalam *faḍā'il a`māl*, motivasi dan ancaman<sup>15</sup>. Begitu juga dengan hadith fitnah akhir zaman, ia merupakan hadith yang berbicara mengenai perkara *ghaybiyyāt*, maka hadith *fitan* yang lemah tidak boleh dibuat hujah<sup>16</sup>. Oleh itu, hadith fitnah akhir zaman yang palsu lebih utama untuk ditolak. Kata al-Suyūṭī: *Dan diharamkan meriwayatkannya jika tahu akan kepalsuannya dalam apa sahaja bentuk sama ada hukum-hakam, kisah-kisah, motivasi dan lain-lain melainkan dengan keterangan akan kepalsuannya*<sup>17</sup>.

---

<sup>10</sup> Surah al-Baqarah, 191.

<sup>11</sup> Al-Dimasyqī, Ibn Kathīr, Ismā'īl Bin `Umar, *Tafsīr al-Qur'ān al-Azīm* (Riyadh: Dār al-Taybah, 1999), 1/525.

<sup>12</sup> Al-`Asqalānī, Ahmad Bin `Alī, *Fath al-Bārī* (Beirut: Dār al-Ma`rifat, 1958), Kitāb al-Fitan, 3/13.

<sup>13</sup> Lihat al-Jazarī, Ibn Athīr, *Al-Nihāyah Fi Gharīb al-Ḥadīth Wa al-Āthār* (Beirut: al-Maktabah al-`Ilmiyyah, 1979), 3/410.

<sup>14</sup> Muḥammad Sa`īd Ḥawā, Manhaj al-Ta`āmul Ma`a Aḥādīth al-Fitan Wa al-Mustaqbal, *Mawqī` Faḍīlah al-Saykh Sa`īd Ḥawā*, sept. 21, 2016, <http://www.saidhawwa.com/Portals/Content/?info=YVdROU5qWXpKbk52ZFhKalpUMVRkV0pRWVdkbEpuUjVjR1U5TVNZPSt1.plx>

<sup>15</sup> Al-Khuḍayr `Abd al-Karīm `Abd Allah, *Al-Ḥadīth al-Ḍa`īf Wa Ḥukm al-Ihtijāj Bih* (Riyadh: Maktabah Dār al-Minhāj, 2012), 272.

<sup>16</sup> Muḥammad Sa`īd Ḥawā, *Manhaj al-Ta`āmul Ma`a Aḥādīth al-Fitan Wa al-Mustaqbal*.

<sup>17</sup> Al-Suyūṭī, Abd al-Raḥmān Bin Abī Bakr, *Tadrīb al-Rāwīy Fī Syarḥ Taqrīb al-Nawawī* (Riyadh: Dār al-`Āshimah, 2003), 1/461.

Maka dalam bab ini, hanya hadith sahih dan hasan sahaja diterima. Atas sebab inilah, ramai ulama mengkritik kitab-kitab fitnah akhir zaman dan tanda-tanda hari kiamat kerana wujudnya hadith-hadith lemah walaupun sekurang-kurangnya mereka mendatangkan sanad yang lemah<sup>18</sup>. Antara kitab yang sering dijadikan rujukan dalam bab ini adalah kitab *al-Fitan* oleh Nu`aym Bin Ḥammād. Menurut Majdī al-Syūrā, kitab *al-Fitan* tulisan Nu`aym Bin Ḥammād dikira sebagai kitab yang terawal yang ditulis dalam bab fitnah akhir zaman<sup>19</sup>. Walaubagaimana pun, keberadaan riwayat-riwayat yang tidak kuat dalam kitab ini menjadikan kitab ini dikritik oleh para ulama hadith. Kata al-Dhahabī: “*Tidak harus seseorang berhujah dengannya, dan sesungguhnya beliau menulis kitab al-Fitan, maka dia bawakan riwayat-riwayat yang ganjil dan munkar*”<sup>20</sup>. Begitu juga kata al-Bastawī: “*Aku telah mengkaji banyak riwayatnya dalam bab ini, maka aku dapati kebanyakannya hadith yang diriwayatkan olehnya secara bersendirian adalah lemah. Sesungguhnya dia telah beketerlaluan dalam mengumpulkan hadith tanpa membuat tapisan*”<sup>21</sup>.

Pun begitu, terdapat penulis kontemporari yang bermudah-mudahan dengan amaran ini, lantas mereka menulis kitab dengan membawakan riwayat-riwayat Nu`aym Bin Ḥammād tanpa menjelaskan status hadith tersebut. Antaranya ialah Amīn Muḥammad Jamāl al-Dīn dari Mesir. Beliau menulis kitab *Harmajidūn: Ākhir Bayān Yā Ummah al-Islām*. Penulis kitab ini sering kali membawa riwayat Nu`aym Bin Ḥammād dalam *al-Fitan* tanpa membezakan antara yang sahih dan lemah, kemudian beliau mengaitkannya dengan fenomena dan peristiwa semasa tanpa disiplin yang telah ditetapkan oleh ulama.

Lanjutan daripada itu, Kitab *Harmajidūn* ini mendapat tentangan dari beberapa ulama semasa semisal Māzin al-Sarsāwī, seorang ulama hadith dari Mesir. Beliau menulis kitab *Kasyf al-Maknūn Fī al-Rad `Alā Harmajidūn*. khusus untuk mengkritik kitab *Harmajidūn* ini. Kerap kali Amīn Muḥammad Jamāl al-Dīn ingin menyebut riwayat Nu`aym Bin Ḥammād, beliau akan menyebut sekali lafaz “*guru al-Bukhārī*” seperti beliau katakan “*telah diriwayatkan oleh Nu`aym Bin Ḥammād (guru al-Bukhārīy) dalam kitab al-Fitan*”. Sebagai contoh, kata Amīn Muḥammad Jamāl al-Dīn di bahagian nota kaki: “*Hadith-hadith ini telah diriwayatkan oleh Nu`aym Bin Ḥammād, guru kepada al-Bukhārīy dalam kitabnya yang hebat iaitu al-Fitan*”<sup>22</sup>. Seolah-olah beliau ingin mengatakan Nu`aym Bin Ḥammād antara guru istimewa buat al-Bukhārī<sup>23</sup>. Ini juga boleh menimbulkan sangkaan bahawa “*kitab al-Fitan ini merupakan sumber rujukan yang mu`tabar dalam bab ini, masakan tidak, beliau merupakan guru kepada*

---

<sup>18</sup> Zāhir Bin Muḥammad Bin Sa`īd al-Syahrī, *Mawqif Ahl al-Sunnah Wa al-Jamā`ah Min Tanzīl Nuṣuṣ Wa Asyrāt al-Sā`ah*, (Tesis Doktor Falsafah, Kuliyyah al-Tarbīyyah, Universiti al-Malik Sa`ūd, 2008), 227.

<sup>19</sup> Al-Marwazī, Nu`aym Bin Ḥammād, *Al-Fitan*, ed. Majdī Bin Mansūr Bin Sayyid al-Syūrā (Beirut: Dār al-Kutub al-`Ilmiyyah, 1997), 7.

<sup>20</sup> Al-Dhahabī, Muḥammad Bin Aḥmad Bin `Uthmān, *Siyar A`lām al-Nubalā`* (Beirut: Muassasah al-Risālah 1985), 10/609.

<sup>21</sup> Al-Bastawī, `Abd al-`Alīm `Abd al-`Azīm, *Al-Mahdīy al-Muntazar Fī Daw' al-Aḥādīth Wa al-Āthār al-Ṣaḥīḥah* (Beirut: Dār Ibn Ḥazm, 1999), 121.

<sup>22</sup> Amīn Muḥammad Jamāl al-Dīn, *Harmajidūn: Ākhir Bayān Yā Ummat al-Islām* (Kaherah: al-Maktabah al-Tawfiqīyyah, t.t.), 80.

<sup>23</sup> Al-Sarsāwī Māzin Bin Muḥammad, *Kasyf al-Maknūn Fī al-Rad `Alā Harmajidūn* (Kaherah: Al-Maktabah al-Islāmīyyah, 2002), 36.

*al-Bukhārī. Jika sang murid telah menulis kitab yang paling sahih selepas al-Qur`ān, maka bagaimana pula kitab tulisan sang guru?”<sup>24</sup>.*

## 2) Mestilah Hadith Itu *Marfū`*

Ini kerana hadith fitnah akhir zaman membahaskan perkara-perkara yang akan belaku pada masa akan datang yang mana ia tidak diketahui melainkan dengan jalan wahyu. Maka hanya hadith *marfū`* sahaja diterima. Begitu juga hukumnya dengan hadith *mawqūf* yang hukumnya *marfū`*, maka ia diterima<sup>25</sup>. Kata Ibn Hajar: “Dan contoh kata-kata *marfū`* secara hukum, bukan secara jelas: apa yang dikatakan oleh sahabat yang tidak mengambil daripada *al-Isrā`īlyyāt*<sup>26</sup>, yang mana ia juga bukan pada bidang yang boleh menerima ijtihad, dan bukan juga berkaitan dengan keterangan lughah ataupun perkataan *gharīb*, seperti pengkhabaran mengenai peristiwa-peristiwa lalu seperti awal penciptaan dan kisah nabi-nabi terdahulu, ataupun peristiwa akan datang seperti peperangan, fitnah akhir zaman, hal-hal hari kiamat. Begitu juga tentang perkhabaran mengenai amalan-amalan yang mendatangkan pahala khusus atau balasan khusus”<sup>27</sup>.

Begitu juga halnya mengenai riwayat-riwayat *Isrā`īlyyāt*, ia tidak boleh digunakan untuk menafsir hadith-hadith fitnah akhir zaman dan tanda-tanda akhir zaman. Sesungguhnya ramai pengarang kitab telah banyak melakukan kesilapan apabila menggunakan riwayat-riwayat ini dan menafsirkan *nuṣūṣ* dengan riwayat dari *ahli kitab*<sup>28</sup>, kemudian mereka berusaha untuk mengaitkan segala perkara dengan perkara yang tidak sah untuk dikaitkan<sup>29</sup>. Menurut Mūsā Ismā`īl, bilangan riwayat Nu`aym Bin Ḥammād dalam *al-Fitan* daripada Ka`ab al-Aḥbār<sup>30</sup> adalah sebanyak 355 riwayat<sup>31</sup>. Daripada kesemua riwayat beliau daripada Ka`ab al-Aḥbār dalam *al-Fitan*, hanya 2 riwayat sahaja Ka`ab al-Aḥbār menyandarkannya kepada Nabi SAW, manakala sandarannya kepada para sahabat pula, terdapat hanya 1 riwayat sahaja. Selebihnya merupakan kalam Ka`ab al-Aḥbār sendiri yang diambil dari khabar-khabar Banī Isrā`īl<sup>32</sup>.

## 3) Tidak Disyaratkan Hadith *Fitan* Itu Hadith Yang *Mutawātir*

<sup>24</sup> Ibid., 35.

<sup>25</sup> Syaraf Maḥmūd Quḍah, *Khariṭah al-Mustaqbah Fi al-Ḥadīth al-Nabawīy* (t.tp.: t.pt., 2009), 7.

<sup>26</sup> *Isrā`īlyyāt*: kisah atau cerita yang diriwayatkan yang timbul dari bangsa israil. Bangsa israil pula keturunan daripada Nabi Ya`qūb Bin Ishāq Bin Ibrāhīm. Akan tetapi ulama tafsir dan hadith menggunakan lafaz ini dengan makna yang lebih luas iaitu merujuk kepada setiap sesuatu yang masuk ke dalam tafsir dan hadith yang terdiri daripada cerita-cerita yang tiada asalnya daripada cerita terdahulu. (Lihat: Muhammad Hussin al-Zahabi, *Kisah-kisah Israiliyat dalam tafsir dan hadith* (Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa, 2011), 19-20.

<sup>27</sup> Al-`Asqalānī, *Nuzhah al-Nazar Fī Tawḍīḥ Nukhbah al-Fikar* (Kaherah: Dār al-Baṣā`ir, 2011), 106.

<sup>28</sup> Ahli kitab: mereka ialah orang yahudi dan Kristian. Akan tetapi banyak disandarkan perkataan ini kepada orang yahudi kerana mereka tinggal di Madinah dan sekitarnya. Juga kerana banyaknya israiliyat ini datang daripada mereka. (Lihat: Muḥammad Bin Muḥammad Abū Syahbah, *Al-Isrā`īlyyāt Wa al-Mawḍū`āt Fī Kutub al-Tafsīr* (Kaherah: Maktabah al-Sunnah, 2006), 13).

<sup>29</sup> Zāhir Bin Muḥammad Bin Sa`īd al-Syahrīy, *Mawqif Ahl al-Sunnah Wa al-Jamā`ah Min Tanzīl Nuṣūṣ Wa Asyrāt al-Sā`ah*, 239.

<sup>30</sup> Beliau merupakan seorang *tābi`īn* yang mana riwayatnya banyak yang ganjil dan aneh yang diambil dari khabar-khabar Banī Isrā`īl (Lihat: Basasyār `Awwād Ma`rūf, Syu`ayb al-Arnā`ūṭ, *Tahrīr Taqrīb al-Tahdhīb* (Damsiyq: Muassasah al-Risālah al-Nāsyirūn, 2015), 645).

<sup>31</sup> Mūsā Ismā`īl al-Basīṭ, *Al-Aḥādīth al-Musnadah al-Marfū`ah Min Kitāb al-Fitan Li Nu`aym Bin Ḥammād* (t.tp.: t.pt., 1996), 54.

<sup>32</sup> Ibid., 57.

Kata Jamāl al-Dīn al-Qāsimī: “Dan telah disebutkan di dalam *Ḥuṣūl al-Ma’mūl*: “*Sesungguhnya al-Quran, al-Sunnah dan ijma’ telah menunjukkan bahawa hadith āḥād<sup>33</sup> itu diamalkan, dan orang-orang yang dipegang kata-katanya juga tidak menyanggahi pandangan ini. Dan siapa yang melihat amalan para sahabat dari kalangan khulafā’ dan selain mereka, dan amalan para tābi’īn dan pengikut-pengikut mereka terhadap hadith ahad, mereka akan dapati ia sangat banyak*”<sup>34</sup>. Maka begitu jugalah dengan hal-hal berkaitan dengan fitnah akhir zaman, hadith āḥād yang sahih boleh dibuat sebagai pegangan<sup>35</sup>. Hadith āḥād diterima di dalam fiqh dan aqidah. Ini merupakan pandangan majoriti ulama dari kalangan salaf (iaitu para sahabat, tābi’īn, ahli hadith, ahli fiqh dan ahli usul) dengan khabar ahad itu cukup syarat hadith maqbul iaitu bersambung sanad, perawinya adil, dābit, tiada syādh dan ‘illah<sup>36</sup>. Bahkan, penghujahan dengan hadith āḥād ini telah dilakukan semenjak dari zaman sahabat lagi. Perkara ini telah disebutkan oleh al-Āmidī: “*Dan apa yang telah mereka (iaitu sahabat) tolak ataupun tawaqquf, maka ia kerana wujudnya perkara-perkara yang bercanggah dengannya ataupun tidak memenuhi syarat, bukanlah ia bermaksud mereka tidak berhujah dengannya, bahkan mereka sepakat beramal dengannya*”<sup>37</sup>.

Walaupun begitu, sebahagian ulama mempunyai pandangan yang berbeza dalam hal ini, lantas mengingkari beberapa hadith berkaitan peristiwa akhir zaman dengan alasan ia hadith āḥād. Antara yang berpandangan sedemikian ialah Maḥmūd Syaltūt dalam fatwanya berkenaan hadith turunya Nabi ‘Isā: “*Dan jika sahih sekalipun hadith ini, ia sekadar hadith āḥād. Dan sesungguhnya ulama telah ijma’ bahawa hadith āḥād tidak memberi faedah dalam akidah, dan tidak juga sah berpegang dengannya dalam perkara-perkara ghaybiyyāt*”<sup>38</sup>.

Pandangan yang sedemikian telah dibantah oleh beberapa ulama. Antaranya ‘Abd Allah al-Ghumārī. Beliau mengatakan bahawa pandangan yang mengatakan tidak sah berpegang dengan *hadith āḥād* dalam perkara *ghaybiyyāt* merupakan pandangan yang tidak pernah disebut oleh ulama sebelum ini, baik dari ahli hadith, ahli fiqh, ahli usul dan ahli kalam, bahkan ijma’ telah menyanggahi perkara tersebut. ‘Abd Allah al-Ghumārī juga mengatakan bahawa turunya Nabi Isa telah sabit secara tawātur<sup>39</sup>.

Begitu juga Ibn Khaldūn telah tersilap apabila mengatakan “*Dan inilah hadith-hadith yang telah diriwayatkan oleh para imam dalam perihal imam al-Mahdī dan keluarannya dia pada akhir zaman dan sesungguhnya semuanya tidak bebas dari kritikan melainkan sedikit*”<sup>40</sup>. Pandangan ini salah kerana jika sahih walaupun satu riwayat, memadai untuk dibuat hujah dalam perihal al-Mahdī<sup>41</sup>. Bahkan kata Ibn Bāz: “*Isu al-Mahdīy adalah perkara yang*

<sup>33</sup> Hadith āḥād: Hadith yang tidak cukup syarat hadith mutawātir. (Lihat: Al-‘Asqalānī, *Nuzḥah al-Naẓr*, 51).

<sup>34</sup> Al-Qāsimī, Jamāl al-Dīn, *Qawā’id al-Taḥdīth* (Damsyiq: Muassasah al-Risālah, 2012), 245.

<sup>35</sup> Syaraf Maḥmūd Quḍāh, *Kharīṭah al-Mustaqbalah Fī al-Ḥadīth al-Nabawīy*, 7.

<sup>36</sup> Al-Syarīf ‘Abd Allah Bin ‘Abd al-Raḥmān, *Hujjīyah Khabar al-Āḥād Fī al-‘Aqā’id Wa al-Aḥkām* (Madinah: Wizārah al-Syu’ūn al-Islāmiyyah Wa al-Awqāf, t.t), 53.

<sup>37</sup> Al-Āmidī, ‘Alī Bin Abī ‘Alī Bin Muḥammad, *Al-Iḥkām Fī Uṣūl al-Aḥkām* (Beirut: al-Maktab al-Islāmī, 2003), 2/69.

<sup>38</sup> Maḥmūd Syaltūt, *Al-Fatāwā* (Kaherah: Dār al-Syurūq 2009), 53.

<sup>39</sup> Al-Ghumārī, ‘Abd Allah, *Iqāmah al-Burhān ‘Alā Nuzūl ‘Isā Fī Ākhir al-Zamān* (Kaherah: Maktabah al-Azhariyyah li al-Turāth, 2006), 22-74.

<sup>40</sup> Ibn Khaldūn, ‘Abd al-Raḥmān Bin Muḥammad Bin Muḥammad, *Muqaddimah Tārīkh* (Beirut: Dār al-Fikr, 1988), 1/401.

<sup>41</sup> Yūsuf Bin ‘Abd Allah Bin Yūsuf al-Wābil, *Asyrāt al-Sā’ah* (Dammam: Dār Ibn al-Jawzīy, 1994), 267.

diketahui. Hadith-hadith yang berkaitan dengannya sangat banyak bahkan ia mutawatir yang saling menguatkan. Kebanyakan ulama telah menyatakan bahawa ia sampai ke tahap mutawatir dan mutawatirnya ia adalah mutawatir maknawi disebabkan banyaknya jalan periwayatannya. Hadith-hadith ini jelas menunjukkan bahawa individu yang dijanjikan ini akan benar-benar muncul pada akhir zaman kelak<sup>42</sup>.

#### **4) Menolak Hadith Yang Menyatakan Tarikh Tertentu Akan Berlakunya Sesuatu Peristiwa.**

Sesungguhnya semua hadith yang menetapkan peristiwa yang akan berlaku secara terperinci maka ia palsu, seperti hadith “pada tahun sekian, akan berlaku sekian”<sup>43</sup>. Begitulah juga halnya dengan peristiwa akhir zaman. Tidaklah fitnah peperangan dan matahari terbit dari barat itu melainkan ia telah dikhabarkan oleh Nabi SAW melalui hadithnya yang mulia yang diriwayatkan oleh Ḥudhayfah Bin al-Yamān dalam kitab-kitab sunan. Dan telah berlaku fitnah dan peperangan dan ia akan berlaku lagi dan ilmu mengenai waktu ia akan berlaku merupakan rahsia Allah yang mana manusia tidak mengetahuinya melainkan apabila ia telah berlaku<sup>44</sup>. Sesungguhnya apa yang telah Nabi SAW khabarkan mengenai fitnah akhir zaman dan peristiwa yang akan berlaku dan menetapkan zaman akan berlaku sesuatu perkara, ia memerlukan jalan yang sahih, seperti contoh waktu berlakunya kiamat, maka tidak diketahui seorang pun pada tahun dan bulan bilakah ia akan berlaku. Adapun ia akan berlaku pada hari jumaat, maka jumaat yang mana? Dan tidaklah mengetahui akan ketetapan hari tersebut melainkan Allah sahaja yang mengetahuinya<sup>45</sup>. Maka hadith-hadith yang menetapkan tarikh yang berkaitan dengan fitnah akhir zaman tidak diterima<sup>46</sup>.

#### **5) Tidak Boleh Memalingkan Lafaz Hakikat Kepada Majāz Melainkan Dengan petunjuk Yang Kuat.**

Bagi memahami hadith fitnah akhir zaman dengan betul, segala perkara yang telah disebutkan oleh baginda Nabi SAW mesti difahami secara literal dan tidak boleh *ta'wīl*<sup>47</sup>.

Sesungguhnya sebahagian orang telah tersilap apabila mentakwil hadith fitnah akhir zaman. Sebagai contoh, Muḥammad `Abduh apabila beliau ditanya mengenai *dajjāl*, dia berkata: “Sesungguhnya *dajjāl* merupakan simbol bagi khurafat, pendustaan dan keburukan yang akan mengubah ketetapan syarak<sup>48</sup>”. Pandangan yang sama juga diikuti oleh Abū `Abayah, dia berkata: “Dan telah berbeza dalam periwayatan mengenai tempat munculnya *dajjāl*, zaman

---

<sup>42</sup> Zulkifli Bin Mohamad al-Bakri, Bayan Linnas siri ke 43: Imam Mahdi Menurut Pandangan Ahli sunnah, Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, Dis. 21, 2015, [https://muftiwp.gov.my/artikel/bayan-linnas/1824-bayan-linnas-siri-43-imam-mahdi-menurut-pandangan-ahlus-sunnah#\\_ftn2](https://muftiwp.gov.my/artikel/bayan-linnas/1824-bayan-linnas-siri-43-imam-mahdi-menurut-pandangan-ahlus-sunnah#_ftn2)

<sup>43</sup>Lihat: Fāliḥ Bin `Abd Allah Irṭībān, *Dawābit Wa Fawā'id Fī Ma`rifah al-Ḥadīth al-Mawḍū'*, (Ḥawlī: Makatabah al-Imām al-Dhahabīy, 2012), 26. Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah, Muḥammad Bin Abī Bakr, *Al-Manār Al-Munīf Fī Al-Ṣaḥīḥ Wa Ḍa`īf* (Kaherah: Dār al-Salām, 2012), 63.

<sup>44</sup> Muḥammad Ṣiddīq Khān Bin Ḥasan Bin `Alī, *Abjad al-'Ulūm* (Beirut: Dār Ibn Ḥazm, 2002), 523.

<sup>45</sup> Muḥammad Bin Ismā'īl al-Muqaddam, *Fiqh Asyrāt al-Sā'ah* (Iskandariah: Dār al-'Ālamīyyah, 2008), 234.

<sup>46</sup> Syaraf Maḥmūd Quḍah, *Kharīṭah al-Mustaqbalah Fī al-Ḥadīth al-Nabawīy*, 7.

<sup>47</sup> *Ta'wīl*: Memalingkan lafaz yang zahir maknanya ke maknanya yang lain yang bukan zahir. (lihat: Muḥammad Abū Zahrah, *Uṣūl al-Fiqh* (Kaherah: Dār al-Fikr al-'Arabī, 2012), 127.

<sup>48</sup> Muḥammad Rasyīd Bin `Alī Riḍā, *Tafsīr al-Manār* (Kaherah: General Egyptian Book Organization, 1990). 3/261.

*munculnya dia, adakah dajjāl itu Ibn Ṣayyād ataupun orang lain? Maka ia menunjukkan bahawa dajjāl itu adalah simbol bagi keburukan*<sup>49</sup>.

Pandangan ini merupakan pandangan yang salah. Ini kerana *dajjāl* boleh dikenali melalui sifat yang dikhabarkan oleh baginda Nabi SAW melalui hadith-hadithnya. Antaranya ialah seorang manusia, rambutnya kerinting dan kusut masai, sebelah dari matanya buta, dan di dahinya tertulis *kufur*<sup>50</sup>. Maka bagaimana hendak digambarkan bahawa sesuatu simbol itu mempunyai rambut, mata yang buta dan mempunyai tulisan di dahi? Maka tidak syak lagi *dajjāl* itu manusia bukan simbol. Bahkan para sahabat Nabi SAW juga memahami bahawa *dajjāl* itu seorang manusia. Buktinya, para sahabat berkhilaf adakah Ibn Ṣayyād itu seorang *dajjāl* ataupun tidak. Maka ramai daripada mereka mengatakan bahawa dia seorang *dajjāl*, dan sebahagian daripada mereka mengatakan dia bukan *dajjāl*<sup>51</sup>. Sesungguhnya mereka berkhilaf bahawa adakah Ibn Ṣayyād itu *dajjāl* atau tidak, maka dapat difahami bahawa mereka memahami bahawa *dajjāl* itu seorang manusia, bukannya suatu simbol kesesatan seperti yang difahami oleh Muḥammad `Abduh dan Abū `Abayyah.

#### **6) Tidak Menyamakan Mana-Mana Fenomena Dengan Isi Kandungan Hadith *Fitan* Secara Salah.**

Para sarjana ada menyebutkan syarat-syarat yang mesti dipenuhi jika seseorang itu hendak menyamakan isi kandungan hadith fitnah akhir zaman dengan fenomena dan peristiwa. Antaranya ialah seseorang itu mestilah benar-benar mempunyai maklumat yang menyeluruh mengenai peristiwa yang berlaku. Selain itu, beliau juga mestilah mahir dengan hadith-hadith dan mampu untuk menyamakan dengan peristiwa bila ada keperluan<sup>52</sup>.

Di samping itu, peristiwa itu perlulah dipastikan sama 100% dengan sifat yang disebutkan dalam hadith<sup>53</sup>. Antara contoh kesilapan yang berlaku apabila fenomena disamakan dengan isi kandungan hadith ialah soalan perihal `Umar Bin `Abd al-`Azīz. Kata Ibrāhīm Bin Maysarah:

*“Aku bertanya kepada Ṭāwūs “Adakah `Umar Bin `Abd al-`Azīz itu al-Mahdī?”. Dia berkata “tidak, sesungguhnya dia tidak menegakkan keadilan di seluruh bumi*<sup>54</sup>”.

Adapun al-Mahdī, beliau akan menegakkan keadilan di seluruh dunia sepertimana yang diriwayatkan oleh Abū Dāwud melalui jalan Abī Sa`īd al-Khudrīy, sabda Nabi SAW:

<sup>49</sup> Yūsuf Bin `Abd Allah Bin Yūsuf al-Wābil, *Asyrāt al-Sā`at*, 316.

<sup>50</sup> Zukifli Mohamad al-Bakri, *Dajjal: Hakikat Dan Tanda Akhir Zaman*, Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, Jan. 6, 2019, <https://muftiwp.gov.my/en/perkhidmatan/artikel-soal-jawab/2989-bayan-linnas-siri-ke-161-dajjal-hakikat-dan-tanda-akhir-zaman>

<sup>51</sup> Al-Haytamī, Aḥmad Syihāb al-Dīn Bin Hajar *al-Fatāwā al-Ḥadīthiyyah* (Damsyiq: Dār al-Taqwā, 2015), 539.

<sup>52</sup> Syaraf Maḥmūd Quḍah, *Kharīṭah al-Mustaqbalah Fi al-Ḥadīth al-Nabawīy*, 9.

<sup>53</sup> Al-`Ujayrī, `Abd Allah Bin Ṣāliḥ, *Ma`ālim Wa Manārah Fi Tanzīl Aḥādīth al-Fitan Wa al-Malāḥim Wa Asyrāt al-Sā`ah `Alā al-Waqā`i` Wa al-Ḥawādith*, (t.tp.: t.pt., t.t), 97.

<sup>54</sup> Al-Marwazī, *Al-Fitan*, No. 5, 252.

*“Al-Mahdī itu dari keturunanku, dahinya lebar, hidungnya mancung, dia akan memenuhi bumi dengan keadilan sepertimana bumi pernah dipenuhi oleh kejahatan dan kezaliman, dia akan berkuasa selama 7 tahun”<sup>55</sup>.*

Antara contoh kesalahan dalam menyamakan hadith *fitan* dengan fenomena adalah sepertimana yang dilakukan oleh Amīn Muḥammad Jamāl al-Dīn, kata beliau: *“Telah berkata Nu`aym Bin Ḥammād (guru al-Bukhārī) dengan sanadnya sampai kepada `Alī Bin Abī Ṭālib, beliau berkata: “Apabila munculnya Sufyānīy, maka tidak akan terselamat daripada bala tersebut melainkan orang yang sabar ke atas pengepungan”<sup>56</sup>.*

Kemudian beliau berkata lagi: *“Sesungguhnya telah berlaku pengepungan di Iraq pada tahun 1990 pada zaman Ṣaddām Ḥusayn, dan athar yang telah disebutkan mengenai pengepungan dan Sufyānīy, maka aku dapati tidak salah untuk aku katakan bahawa Ṣaddām Iraq merupakan Sufyānīy berdasarkan petunjuk-petunjuk lain”<sup>57</sup>.*

Athar dari `Alī Bin Abī Ṭālib yang disebutkan oleh Amīn Muḥammad Jamāl al-Dīn itu memang benar terdapat dalam *al-Fitan*<sup>58</sup>, akan tetapi pada sanadnya terdapat perawi bernama Risydīn Bin Sa`ad. Beliau perawi yang lemah. Kata Abū Ḥātim: *“Aku menulis hadith daripadanya, aku meninggalkannya dan aku tidak meriwayatkan hadith daripadanya apabila ahli Mesir sepakat akan keḍa`fannya”<sup>59</sup>.* Selain itu, al-Sarsāwī juga mengatakan bahawa athar ini tidak menyatakan di mana lokasi pengepungan akan berlaku. Maka dakwaan Amin bahawa lokasi pengepungan yang telah disebutkan dalam athar tersebut adalah di Iraq adalah merupakan sekadar sangkaan semata-mata<sup>60</sup>.

Selain itu, apabila fenomena hendak disamakan dengan isi kandungan hadith fitnah akhir zaman, maka hendaklah menjadikan *nas* itu hukum ke atas *wāqī`*, bukan sebaliknya<sup>61</sup>. Ini bermaksud pada asalnya, hadith itu mestilah difahami terlebih dahulu, kemudian baru boleh dikaitkan dengan realiti supaya menampakkan kebenaran sabda Nabi. Hal ini sangat penting supaya masyarakat tidak mendustakan hadith apabila berbeza dengan realiti. Sejarah telah membuktikan bahawa fakta sains dan realiti tidak boleh jadi penghukum kepada hadith. Sebagai contoh, kajian yang diyakini orang terdahulu dahulu menyifatkan matahari sebagai sesuatu yang tetap dan tidak bergerak. Dan selepas zaman berlalu, pakar menemui bahawa matahari sebenarnya bergerak dengan sangat pantas, maka bagaimana boleh diterima sesuatu yang lemah dan palsu untuk disandarkan kepada Nabi SAW, ataupun menafikan sesuatu yang sah hanya semata-mata berpandukan kajian-kajian tersebut, dan tidak syak lagi bahawa ia

---

<sup>55</sup> Al-Sijistānī, Abū Dāwud Sulaymān Bin al-Asy`ath, *Sunan Abī Dāwud* (Beirut: al-Maktabah al-`Asrīyyah, t.t), Kitāb al-Mahdīy, No. 4285, 4/107.

<sup>56</sup> Amīn Muḥammad Jamāl al-Dīn, *Harmajidūn: Ākhir Bayān Yā Ummat al-Islām*, 51.

<sup>57</sup> Ibid., 52.

<sup>58</sup> Al-Marwazī, *al-Fitan*, (Rujuk hadith no. 699, hlm. 246).

<sup>59</sup> Abū Ya`lā al-Khalīlī, Khalīl Bin `Abd Allah Bin Aḥmad, *Al-Irsyād Fī Ma`rifah `Ulamā' al-Ḥadīth* (Riyadh: Maktabah al-Rusyd, 1988), Bab Risydīn Bin Sa`ad, 1/421.

<sup>60</sup> Al-Sarsāwī, *Kasyf al-Maknūn Fī al-Rad `Alā Harmajidūn*, 111.

<sup>61</sup> Al-`Ujayrī, *Ma`ālim Wa Manārah Fī Tanzīl Aḥādīth al-Fitan Wa al-Malāḥim Wa Asyrāṭ al-Sā`at `Alā al-Waqā`i` Wa al-Hawādith*, 106.

perkara yang sangat berbahaya dalam islam<sup>62</sup>. Telah tersalah ramai ulama apabila mereka melemahkan hadith lalat kerana barat pada ketika itu belum menemui bahawa pada sayap lalat itu terdapat penyakit dan penawar<sup>63</sup>.

Tiada perkara yang ganjil dalam hadith ini. Bukankah pada sengatan kala jengking itu ada racun, dan pada badannya ada penawarnya<sup>64</sup>. Maka begitu jugalah dalam perihal fitnah akhir zaman, jika terdapat peristiwa dan fenomena semasa yang berlaku berbeza dengan apa yang disebutkan oleh hadith, maka muslim hendaklah beriman bahawa sabda Nabi SAW yang sah itu sentiasa benar.

### 7) Ikut Turutan Kronologi

Peristiwa-peristiwa yang akan berlaku pada akhir zaman mempunyai kronologi yang telah ditetapkan oleh para ulama berpandukan nas syarak<sup>65</sup>. Apabila seseorang tidak mengikut kronologi, maka akan berlaku kesalahan dalam mentafsirkan hadith fitnah akhir zaman. Contohnya, `Imrān Ḥuṣayn menyatakan bahawa *ya'jūj* dan *ma'jūj* sudah berjaya keluar dari tembok yang dibina oleh *Dhu al-Qarnayn*<sup>66</sup>. Pandangan ini jelas salah kerana beliau tidak mengikut turutan kronologi bagi peristiwa-peristiwa akhir zaman. Kata al-Qurṭubī: “Sesungguhnya tanda awal kiamat ialah munculnya *dajjal*, kemudian turunnya `Isā as, kemudian keluarnya *ya'jūj* dan *ma'jūj*”<sup>67</sup>. Jika benar *ya'jūj* dan *ma'jūj* sudah keluar, maka *dajjal* dan Nabi `Isā sudah lama muncul di dunia ini.

### 8) Perbezaan Riwayat Dalam Perincian Hadith *Fitan* Tidak Menjejaskan Darjat Hadith Asal, Bahkan Ia Saling Menguatkan

Seperti perbezaan riwayat dalam menerangkan sifat mata *dajjal*. Menurut hadith yang diriwayatkan oleh Muslim melalui jalan Ibn `Umar, sabda Nabi SAW:

*“Sesungguhnya Allah Taala tidak buta dan sesungguhnya al-Masīḥ al-Dajjāl itulah yang buta mata kanannya”*<sup>68</sup>.

Hadith ini mengkhabarkan bahawa *dajjāl* itu buta mata kanannya. Manakala, riwayat lain yang juga diriwayatkan oleh Muslim daripada Ḥudhayfah, sabda Nabi SAW:

<sup>62</sup> Al-Syīmālī, Yāsir Aḥmad, *Taqwīyyah al-Ḥadīth al-Ḍa`īf Bi al-Ḥaqā`iq al-`Ilmīyyah* (Amman: Jam`īyyah al-Ḥadīth al-Syarīf Wa Iḥyā' al-Turāth, 2015), 16.

<sup>63</sup> Ḥakīmah Ḥafīzī, *Al-Istidlālāt Bi al-Riwāyāh al-Ḍa`īfat Fī Dirāsāh al-I`jāz al-`Ilmīy Fī al-Sunnah al-Nabawīyyah al-Syarīfah*, *Majalah al-Mi`yār*, 14/27 (t.t), 15

<sup>64</sup> `Abd al-Muḥdī `Abd al-Qādir, *Daf` al-Syubḥāt `An al-Ḥadīth al-Nabawīy* (Kaherah: Maktabah al-`Imān, 2009), 152.

<sup>65</sup> Al-`Ujayrī, *Ma`ālim Wa Manārah Fī Tanzīl Ahādīth al-Fitan Wa al-Malāḥim Wa Asyrāt al-Sā`ah `Alā al-Waqā`i` Wa al-Ḥawādīth*, 132.

<sup>66</sup> Faisal Ahmad Shah, Pemikiran Imran N. Hosein tentang Yakjuj dan Makjuj di dalam An Islamic View of Gog And Magog In The Modern World menurut perspektif Hadis, Hadith And Aqidah Research Institute (INHAD), *Journal Hadith*, 10/20 (2020), 598.

<sup>67</sup> Al-Qurṭubī Muhammad Bin Ahmad Bin Abi Bakar, *Al-Tadhkirah Bi Aḥwāl al-Mawtā Wā Umūr al-Ākhirah* (Riyadh: Dār al-Minhāj, 2003), 1264.

<sup>68</sup> Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim, Kitāb al-Fitan Wa Asyrāt al-Sā`ah, Bab Dhikr al-Dajjāl Ṣifatihī Wa Mā Ma`ah*, No. 100, 4/ 2247.

“*Dajjāl buta mata kirinya, kerinting rambutnya, bersamanya syurga dan neraka. Maka nerakanya ialah syurga dan syurganya ialah neraka*”<sup>69</sup>.

Merujuk kepada kedua-dua riwayat, terdapat perbezaan dalam menetapkan sifat mata dajjal. Adakah matanya buta kiri atau kanan? Kata al-Nawawī: “Kedua-duanya betul”<sup>70</sup>. Maka di sini khilaf hanya berlaku pada bahagian mata mana yang buta, tapi kedua-dua riwayat ini bersepakat bahawa *dajjal* matanya buta. Maka di sini jelaslah bahawa perbezaan riwayat dalam perincian tidak menjejaskan darjat hadith asal, bahkan ia saling menguatkan<sup>71</sup>.

### 9) Hadith Sahih Tidak Menyalahi Akal

Sesungguhnya hadith Nabi yang sahih sama sekali tidak ada perkara yang mustahil pada akal<sup>72</sup>. Kata Mua`llimī al-Yamānī: “Ahli hadith menggunakan akal pada 4 tempat: ketika *samā`*, ketika meriwayatkan hadith, ketika menghukum ke atas perawi dan ketika menghukum ke atas hadith”<sup>73</sup>. Jika ada yang mendakwa bahawa hadith fitnah akhir zaman bercanggah dengan akal, maka dakwaan mereka salah kerana jika benar ada hadith yang bercanggah dengan akal, maka ahli hadith lebih dahulu akan menemuinya. Dalam hadith fitnah akhir zaman, terdapat banyak perkara yang mustahil pada adat, tapi tidak pada akal<sup>74</sup>. Maka kerana itu Muḥammad Fahīm Abū `Abayyah telah tersalah apabila beliau memberi komentar terhadap riwayat-riwayat mengenai Ibn Ṣayyād, beliau berkata “riwayat-riwayat ini tertolak, tidak masuk akal perkara ini terbit dari Nabi SAW”<sup>75</sup>.

### Kesimpulan

Berdasarkan hasil daripada kajian dalam bab ini, pengkaji dapat simpulkan bahawa fitnah akhir zaman itu sangat dahsyat dan mengerikan. Baginda Nabi SAW sendiri banyak mengkhabarkan kepada umatnya apa yang akan berlaku. Atas rahmat dan kasih sayangnya baginda kepada umatnya, baginda ajar juga bagaimana cara hendak selamat dari fitnah tersebut. Maka apabila hendak berinteraksi dengan hadith-hadith baginda berkenaan fitnah akhir zaman, para ulama sudah menjelaskan kaedah-kaedahnya agar hadith baginda dapat dimanfaatkan sebaiknya. Antaranya, hadith-hadith tersebut mestilah sahih lagi *marfū`*, hadith *āḥād* juga diterima dalam bab ini, hadith-hadith ini mestilah difahami secara hakikat dan apabila hendak menyamakan isi kandungan hadith dengan fenomena, maka ada disipilin yang perlu dipatuhi.

Sesungguhnya ramai daripada sarjana dan pengkaji telah bermudah-mudahan apabila berinteraksi dengan hadith fitnah akhir zaman lalu mengeluarkan pandangan-pandangan yang

<sup>69</sup> Ibid., *Kitāb al-Fitan Wa Asyrāt al-Sā`ah, Bab Dhikr al-Dajjāl Ṣifatihī Wa Mā Ma`ah*, 4/2248.

<sup>70</sup> Al-Nawawī, *Al-Minhāj Syarḥ Ṣaḥīḥ Muslim Bin al-Ḥajjāj*, 2/235

<sup>71</sup> Syaraf Maḥmūd Quḍah, *Kharīṭah al-Mustaqbalah Fi al-Ḥadīth al-Nabawīy*, 8.

<sup>72</sup> Ibid., 8.

<sup>73</sup> Al-Mua`llimī al-Yamānīy, `Abd al-Rāḥmān Bin Yahyā, *Al-Anwār al-Kāsyifah Limā Fī Kitāb Aḍwā` `Alā al-Sunnah Min al-Zalal Wa al-Taḍlīl Wa al-Mujāzafah* (Mekah: Dār `Ālim al-Fawā`id, t.t), 8.

<sup>74</sup> Syaraf Maḥmūd Quḍah, *Kharīṭah al-Mustaqbalah Fi al-Ḥadīth al-Nabawīy*, 8.

<sup>75</sup> Zāhir Bin Muḥammad Bin Sa`īd al-Syahrīy, *Mawqif Ahl al-Sunnah Wa al-Jamā`ah Min Tanzīl Nuṣūṣ Wa Asyrāt al-Sā`ah*, 228.

tidak tepat. Bagi mengelakkan perkara tersebut terjadi, metode-metode yang telah disebutkan oleh para sarjana hadith tersebut mestilah dipatuhi.

## **Rujukan**

### **Al-Quran**

- `Abd al-Qādir, `Abd al-Muḥdī. *Daf` al-Syubuhāt `An al-Ḥadīth al-Nabawī*. Kaherah: Maktabah al-Īmān, 2009.
- Al-`Adawī, Muṣṭafā. *Al-Ṣaḥīḥ al-Musnad Min Aḥādīth al-Fitan Wa al-Malāḥim Wa Asyrāt al-Ṣā`at*. Riyadh: Dār al-Hijrah, 1991.
- Al-`Asqalānī, Aḥmad Bin `Alī. *Nuzhah al-Nazar Fī Tawḍīḥ Nukhbah al-Fikar*. Kaherah: Dār al-Baṣā`ir, 2011.
- Al-`Asqalānī. *Fath al-Bārī*. Beirut: Dār al-Ma`rifat, 1958.
- Al-Āmidī, `Alī Bin Abī `Alī Bin Muḥammad. *Al-Iḥkām Fī Uṣūl al-Aḥkām*. Beirut: al-Maktab al-Islāmī, 2003.
- Al-Anṣārī, Ibn Manẓūr, Jamāl al-Dīn. *Lisān al-`Arab*. Beirut: Dār al-Ṣādīr, 1992.
- Al-Bastawī, `Abd al-`Alīm `Abd al-`Azīm. *Al-Mahdīy al-Muntaẓar Fī Ḍaw` al-Aḥādīth Wa al-Āthār al-Ṣaḥīḥah*. Beirut: Dār Ibn Ḥazm, 1999.
- Al-Dhahabī, Muḥammad Bin Aḥmad Bin `Uthmān. *Siyar A`lām al-Nubalā`*. Beirut: Muassasah al-Risālah, 1985.
- Al-Dimasyqī, Ibn Kathīr, Ismā`īl Bin `Umar. *Tafsīr al-Qur`ān al-Azīm*. Riyadh: Dār al-Ṭaybah, 1999.
- Al-Ghumārī, `Abd Allah. *Iqāmah al-Burhān `Alā Nuzūl `Isā Fī Ākhir al-Zamān*. Kaherah: Maktabah al-Azhariyyah li al-Turāth, 2006.
- Al-Haytamī, Ibn Ḥajar, Aḥmad Syihāb al-Dīn. *Al-Fatāwā Al-Ḥadīthiyyah*. Damsyiq: Dār al-Taqwā, 2015.
- Al-Jazarī, Ibn Athīr. *Al-Nihāyat Fī Gharīb al-Ḥadīth Wa al-Āthār*. Beirut: al-Maktabah al-`Ilmiyyah, 1979.
- Al-Jurjānī, `Alī Bin Muḥammad al-Syarīf. *Al-Ta`rifāt*, Beirut: Dār al-Kutub al-`Ilmiyyah, 1983.
- Al-Khalīlī, Abū Ya`lā, Khalīl Bin `Abd Allah Bin Aḥmad. *Al-Irsyād Fī Ma`rifah `Ulamā` al-Ḥadīth*. Riyadh: Maktabah al-Rusyd, 1988.
- Al-Khuḍayr, `Abd al-Karīm `Abd Allah. *Al-Ḥadīth al-Ḍa`īf Wa Ḥukm al-Iḥtijāj Bih*. Riyadh: Maktabah Dār al-Minhāj, 2012.
- Al-Khuḍayr. *Syarḥ Kitāb al-Fitab Min Ṣaḥīḥ al-Bukhārīy*. Riyadh: Ma`ālim al-Sunan, 2016.
- Al-Marwazī, Nu`aym Bin Ḥammād. *Al-Fitan*, ed. Majdī Bin Manṣūr Bin Sayyid al-Syūrā. Beirut: Dār al-Kutub al-`Ilmiyyah, 1997.
- Al-Nawawī, Yahyā Bin Syaraf. *Al-Minhāj Syarḥ Ṣaḥīḥ Muslim Bin al-Ḥajjāj*. Beirut: Dār Iḥyā` al-Turāth al-`Arabī, 1970.
- Al-Qurtubī, Muhammad Bin Ahmad Bin Abi Bakr. *Al-Tadhkirah Bi Aḥwāl al-Mawtā Wā Umūr al-Ākhirah*. Riyadh: Dār al-Minhāj, 2003.

- Al-Sarsāwī, Māzin Bin Muḥammad. Kasyf al-Maknūn Fī al-Rad `Alā Harmajidūn. Kaherah: al-Maktabah al-Islāmīyyah, 2002.
- Al-Sijistānī, Abū Dāwud Sulaymān Bin al-Asy`ath. Sunan Abī Dāwud. Beirut: al-Maktabah al-`Aṣrīyyah, t.t.
- Al-Suyūfī, Abd al-Raḥmān Bin Abī Bakr. Tadrīb al-Rāwī Fī Syarḥ Taqrīb al-Nawawī. Riyadh: Dār al-`Āshimah, 2003.
- Al-Syarīf. `Abd Allah Bin `Abd al-Raḥmān. Ḥujjīyyah Khabar al-Āḥād Fī al-`Aqā'id Wa al-Aḥkām. Madinah: Wizārah al-Syu`ūn al-Islāmiyyah Wa al-Awqāf, t.t.
- Al-Syimālī, Yāsir Aḥmad. Taqwīyyah al-Ḥadīth al-Ḍa`īf Bi al-Ḥaqā'iq al-`Ilmīyyah. Amman: Jam`īyyah al-Ḥadīth al-Syarīf Wa Iḥyā' al-Turāth, 2015.
- Al-Yamānīy Al-Mua`llimī, `Abd al-Rāḥmān Bin Yaḥyā. Al-Anwār al-Kāsyifah Limā Fī Kitāb Aḍwā' `Alā al-Sunnah Min al-Zalal Wa al-Tadlīl Wa al-Mujāzafah. Mekah: Dār `Ālim al-Fawā'id, t.t.
- Amīn Muḥammad Jamāl al-Dīn. Harmajidūn: Ākhir Bayān Yā Ummat al-Islām. Kaherah: al-Maktabah al-Tawfīqīyyah, t.t.
- Basysyār `Awwād Ma`rūf & Syu`ayb al-Arnā`ūṭ. Taḥrīr Taqrīb al-Tahdhīb. Damsyiq: Muassasah al-Risālah al-Nāsyirūn, 2015.
- Faisal Ahmad Shah. Pemikiran Imran N. Hosein tentang Yakjuj dan Makjuj di dalam An Islamic View of Gog And Magog In The Modern World menurut perspektif Hadis Hadith And Aqidah Research Institute (INHAD), Journal Hadith, Vol. 10, No. 20. (2020).
- Ḥakīmah Ḥafīzī. Al-Istidlālāt Bi al-Riwāyāh al-Ḍa`īfat Fī Dirāsāh al-Ijāz al-`Ilmīy Fī al-Sunnah al-Nabawīyyah al-Syarīfah. Majalah al-Mi`yār, vol.14, issue 27. (t.t).
- Ibn Khaldūn, `Abd al-Raḥmān Bin Muḥammad Bin Muḥammad. Muqaddimah Tārīkh. Beirut: Dār al-Fikr, 1988.
- Maḥmūd Syaltūt. Al-Fatāwā. Kaherah: Dār al-Syurūq, 2009.
- Muḥammad Aḥmad Mubayyad. Al-Mawsū'ah Fī al-Fitan Wa al-Malāḥim Wa Asyrāt al-Sā'ah. Kaherah: Muassasah al-Mukhtār, 2006.
- Muḥammad Bin Muḥammad Abū Syahbah. Al-Isrā'īlīyyāt Wa al-Mawḍū'āt Fī Kutub al-Tafsīr. Kaherah: Maktabah al-Sunnah, 2006.
- Muhammad Hussin al-Zahabi. Kisah-kisah Israiliyat dalam tafsir dan hadith. Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa, 2011.
- Muḥammad Sa`īd Ḥawā, “Manhaj al-Ta`āmul Ma`a Aḥādīth al-Fitan Wa al-Mustaqbal”, Mawqī' Faḍīlah al-Syaykh Sa`īd Ḥawā, sept. 21, 2016,  
<http://www.saidhawwa.com/Portals/Content/?info=YVdROU5qWXpKbk52ZFhKalpUMVRkV0pRWVdkbEpuUjVjR1U5TVNZPSt1.plx>
- Muḥammad Taqī `Uthmānī. Takmilah Faḥ al-Mulhim. Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-`Arabī, 2006.
- Mūsā Ismā'īl al-Basīṭ. Al-Aḥādīth al-Musnadah al-Marfū'ah Min Kitāb al-Fitan Li Nu`aym Bin Ḥammād. t.tp.: t.pt., 1996.
- Muslim Bin Ḥajjāj. Ṣaḥīḥ Muslim. Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-`Arabī, 2002.
- Syaraf Maḥmūd Quḍah. Kharīṭah al-Mustaqbalah Fī al-Ḥadīth al-Nabawī. t.tp.: t.pt., 2009.
- Yūsuf Bin `Abd Allah Bin Yūsuf al-Wābil. Asyrāt al-Sā'ah. Dammam: Dār Ibn al-Jawzī, 1994.

Zāhir Bin Muḥammad Bin Sa`īd al-Syahrī, *Mawqif Ahl al-Sunnah Wa al-Jamā`ah Min Tanzīl Nuṣūṣ Wa Asyrāṭ al-Sā`ah*, Tesis Doktor Falsafah, Kuliyyah al-Tarbīyyah, Universiti al-Malik Sa`ūd, 2008.

Zulkifli Bin Mohamad al-Bakri, “Bayan Linnas siri ke 43: Imam Mahdi Menurut Pandangan Ahli sunnah”, Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, Dis. 21, 2015, [https://muftiwp.gov.my/artikel/bayan-linnas/1824-bayan-linnas-siri-43-imam-mahdi-menurut-pandangan-ahlus-sunnah#\\_ftn2](https://muftiwp.gov.my/artikel/bayan-linnas/1824-bayan-linnas-siri-43-imam-mahdi-menurut-pandangan-ahlus-sunnah#_ftn2)

Zukifli Mohamad al-Bakri, *Dajjal: Hakikat Dan Tanda Akhir Zaman*, Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, Jan. 6, 2019, <https://muftiwp.gov.my/en/perkhidmatan/artikel-soal-jawab/2989-bayan-linnas-siri-ke-161-dajjal-hakikat-dan-tanda-akhir-zaman>